

Perlu tumpu penuh perhatian dalam bidang perniagaan

# Mahathir tidak mahu **KUB** diperalatkan

**K**UALA LUMPUR 6 Nov Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd. (KUB) diperalatkan sebagai satu badan politik tetapi sebaliknya ia perlu menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang perniagaan.

Menurut Perdana Menteri, hubungan politik KUB dengan kerajaan haruslah disifatkan sebagai satu persahabatan untuk mendapatkan bantuan permulaan manakala usaha perniagaan seterusnya perlulah dijalankan sendiri melalui satu bentuk pengurusan yang cekap dan berkesan.

"Dengan barisan pihak pengurusan yang baru dan rancangan penyusunan semula yang telah dibuat, saya yakin KUB kini boleh berjaya mencapai matlamat penubuhannya dalam bidang perniagaan," tegas beliau ketika berucap di majlis pelancaran dan permeranan gerakan kempen menambah ahli KUB di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

KUB yang ditubuhkan pada tahun 1977 atas inisiatif UMNO bertujuan untuk meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu khususnya anggota parti itu dalam kegiatan koperasi kini dalam proses pemilihan selepas mengalami krisis kewangan sejak beberapa tahun lalu.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, KUB tidak lagi boleh terlalu bergantung kepada kerajaan ataupun parti untuk maju.

Kata beliau, sekiranya KUB ditadbir secara profesional, bijak dan bersih tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh maju.

"Tidak terdapat satu jenis perniagaan yang mudah dalam dunia ini malah kehidupan seharian manusia sekalipun akan berdepan dengan pelbagai masalah," ujar Perdana Menteri.

Oleh itu, beliau mengingatkan KUB supaya jangan terlalu mengharapkan peluang perniagaan dan kerajaan sebelum membuktikan keupayaan sen-

diri dalam menjalankan perniagaan walaupun secara kecil-kecilan.

Perdana Menteri menegaskan, tiada tempat untuk mereka yang ingin bemiaga dengan hanya mengharapkan bantuan semata-mata dari kerajaan.

Serentak dengan itu, beliau menyela ahli perniagaan yang sering menjual peluang yang telah disediakan kepada mereka kerana dengkn berbuat demikian, ia akan menjadikan seseorang ahli perniagaan itu bodoh dan jahil.

"Saya juga tidak akan teragak-agak untuk meminta Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan sekiranya terdapat kecurigaan dalam pengurusan kewangan KUB," tegasnya.

Beliau memberitahu di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan kepada bumiputera yang kini dilanjutkan dalam Dasar Pembangunan Nasional tetapi mereka sendiri haruslah bersungguh-sungguh dan tekun bemsaha.

Katanya, kebanyakan bumiputera tidak menyedari bahawa DEB itu adalah bertujuan untuk membantu mereka bersaing dengan kaum-kaum lain dalam pelbagai bidang.

Menyentuh kegiatan kopcrasi, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia adalah satu konsep perniagaan yang baik tetapi malangnya ia seringkali digagalkan oleh pengurusan yang tidak cekap dan kefahaman ahli yang tidak mendalam mengenainya.

Sebagai contoh katanya, terdapat ahli yang menjadikan koperasi sebagai tempat berhutang yang akhirnya tidak mampu menjelaskan hutang yang hampir sama banyak dengan gaji.

Akhirnya menurut beliau, bukan sahaja ahli tersebut akan menghadapi masalah tetapi koperasi terlibat juga akan menghadapi risiko akibat dari siiaip ahli yang tidak dapat menjelaskan hutang.